



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS CETAKAN
SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 71

AKTA TIMBANG DAN SUKAT 2007

Sebagaimana pada 1 September 2017

AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972

Tarikh Perkenan Diraja	23 Mac 1972
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	30 Mac 1972
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1530 yang mula berkuat kuasa pada	Perenggan 2(a) & 11(b) dan Seksyen 12 & 13 – 19-5-2017; Perenggan 2(b), Seksyen 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 , 10 dan perenggan 11(a) - 01-08-2017

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Pertama 2009

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 71****AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**KEBOLEHAN PENGUKURAN**

3. (*Dipotong*)
4. (*Dipotong*)
5. (*Dipotong*)
6. (*Dipotong*)
7. (*Dipotong*)
8. (*Dipotong*)
- 8A. Kebolehkesan pengukuran
9. Standard Kerja bagi jisim dan sukat
10. Penentusan Standard Kerja

BAHAGIAN III**TIMBANG DAN SUKAT BAGI MAK SUD PERDAGANGAN**

Seksyen

11. Erti “kegunaan untuk perdagangan”
12. Unit sukatan, timbang dan sukat yang sah di sisi undang-undang bagi kegunaan untuk perdagangan
13. Menandakan timbang dan sukat dengan tanda
14. Menandakan dengan cap dan menentusahkan timbang dan sukat dsb., dan mengeluarkan perakuan penentusahan
- 14A. Penandaan dengan cap akan timbang dan sukat; bantuan kepada Inspektor, dsb
- 14B. Penimbangan atau penyukatan dengan menggunakan alat timbang dan sukat awam
- 14C. Pembatalan perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 14B
15. Timbang daripada timah hitam atau tembaga putih
16. Menggunakan dan memiliki timbang yang tidak seimbang, dsb.
17. Mengguna atau memiliki timbang atau sukat palsu, dsb., untuk memfraud
18. Penalti ke atas membuat, menjual dan membaiki timbang palsu, dsb.
19. Penalti kerana menjalankan perdagangan tanpa alat timbang atau sukat yang perlu
20. Pemalsuan atau pelancungan perakuan atau cap mengenai timbang, sukat atau alat timbang atau sukat
- 20A. Kesalahan berkaitan dengan alat penanda dengan cap
21. Keterangan mengenai milikan
22. Kesalahan yang dilakukan oleh seorang pekhidmat
23. (*Dipotong*)
24. (*Dipotong*)

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN

Seksyen

25. Penyimpan Timbang dan Sukat
- 25A. Penyimpan hendaklah menasihati Menteri
26. Ketua Inspektor, Timbalan Ketua Inspektor dan Inspektor
- 26A. Lesen untuk menjalankan kewajipan Inspektor atau untuk mengadakan perkhidmatan
- 26B. Fi yang dipungut oleh syarikat berlesen
- 26C. Pengemukaan memorandum bagi apa-apa perubahan pada fi yang sedia ada
- 26D. Menteri hendaklah meminda peraturan-peraturan berkenaan dengan fi
- 26E. Kewajipan am syarikat berlesen
- 26F. Kuasa pemeriksaan Ketua Inspektor
- 26G. Penggantungan atau pembatalan lesen kerana melanggar syarat lessen
- 26H. Penggantungan atau pembatalan lesen kerana pelanggaran Akta ini atau peraturan-peraturan
27. Lesen untuk membuat, menjual atau membaiki timbang atau sukat atau alat timbang dan sukat
- 27A. Pemulaan pendakwaan
28. Kuasa untuk memeriksa timbang dan sukat, dsb., dan untuk memasuki premis
- 28A. Pelucuthakan alat timbang atau sukat, dsb.
- 28B. Perlindungan bagi Inspektor, dsb., kerana menguatkuasakan Akta

BAHAGIAN V

AM

29. Peraturan-peraturan
30. Jarak selisih yang dibenarkan
31. Kuasa pengecualian dan membuat peraturan-peraturan bagi mengelakkan kesukaran
32. Peruntukan peralihan

Seksyen

- 33. (*Dipotong*)
- 34. (*Dipotong*)
- 34A. Pengkompaunan kesalahan
- 35. Pemansuhan dan pengecualian

JADUAL PERTAMA — (*Dipotong*)

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA — (*Dipotong*)

JADUAL KEEMPAT — (*Dipotong*)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 71

AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972

Suatu Akta bagi mengawal selia timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[*1 Januari 1981, P.U. (B) 1/1981*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuata kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Timbang dan Sukat 1972.

(2) Dengan tidak menyentuh subseksyen (3), Akta ini hendaklah terpakai bagi seluruh Malaysia.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), Akta ini hendaklah mula berkuata kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(4) Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi Akta ini mula berkuata kuasa bagi Negeri yang berlainan di Malaysia atau bagi peruntukan berlainan Akta ini atau bagi kelas perusahaan atau transaksi berlainan atau bagi kelas harta alih atau harta tak alih yang berlainan:

Dengan syarat bahawa Menteri hendaklah menguatkuasakan semua peruntukan Akta ini bagi semua Negeri di Malaysia sebelum habis tempoh sepuluh tahun dari tarikh Akta ini disiarkan.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“alat timbang atau sukat” ertinya apa-apa alat atau mesin untuk menyukat mengikut panjang, luas, isi padu, muatan, masa, berat, bilangan atau apa-apa kuantiti lain, dan dalam hal alat timbang, termasuklah timbangan yang digunakan yang berkaitan dengannya;

“alat timbang dan sukat awam” ertinya apa-apa alat timbang atau sukat yang diadakan untuk kegunaan awam, dan yang bagi penggunaannya suatu bayaran dikenakan;

“cap penentusahan” ertinya suatu tanda untuk digunakan sebagai keterangan tentang kelulusan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat sebagai layak untuk digunakan, sama ada dikenakan melalui teraan, tuangan, ukiran, gurisan, selaran, pengecapan atau selainnya;

“Ketua Inspektor”, “Timbalan Ketua Inspektor” dan “Inspektor” masing-masingnya bererti Ketua Inspektor Timbang dan Sukat, Timbalan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan Inspektor Timbang dan Sukat yang dilantik di bawah seksyen 26;

“Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 [Akta 675];

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna;

“Penyimpan” ertinya Penyimpan Timbang dan Sukat yang disebut dalam seksyen 25;

“premis” termasuklah apa-apa kedai atau gerai, dan apa-apa kenderaan, vesel, bangunan, binaan atau tempat, sama ada terbuka atau tertutup, yang digunakan untuk perdagangan;

“Sistem Unit Antarabangsa” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007;

“Standard Kerja” ertinya Standard Kerja bagi jisim dan sukat yang disebut dalam seksyen 9;

BAHAGIAN II

KEBOLEHKESANAN PENGUKURAN

3. (*Dipotong oleh Akta A1309*).

4. (*Dipotong oleh Akta A1309*).

5. (*Dipotong oleh Akta A1309*).

6. (*Dipotong oleh Akta A1309*).

7. (*Dipotong oleh Akta A1309*).

8. (*Dipotong oleh Akta A1309*).

Kebolehkesanan pengukuran

8A. Apa-apa pengukuran yang dibuat bagi maksud Akta ini hendaklah mempunyai kebolehkesanan kepada Standard Pengukuran Kebangsaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007.

Standard Kerja bagi jisim dan sukat

9. (1) Menteri hendaklah sebagaimana yang dikehendaki oleh keadaan, mendapatkan atau mengarahkan disedia dan disenggarakan Standard Kerja bagi jisim dan sukat mengikut bentuk sebagaimana yang disyorkan sama ada secara amnya atau khasnya oleh Penyimpan Timbang dan Sukat.

(2) Standard Kerja hendaklah ditentusahkan dengan berpandukan kepada Standard Pengukuran Kebangsaan dan penentusahan itu hendaklah dibuat oleh Penyimpan Timbang dan Sukat yang hendaklah mengeluarkan suatu perakuan bagi maksud itu dan hendaklah mengarahkan dibuat suatu tanda yang tidak boleh dipadamkan pada Standard Kerja itu.

(3) (a) Standard Kerja hendaklah disimpan di bawah jagaan Inspektor Timbang dan Sukat dan hendaklah digunakan bagi memeriksa, menentu dan mengesahkan semua timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta ini.

(b) Standard Kerja itu boleh juga disimpan di bawah jagaan orang lain dan digunakan bagi maksud lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Penentusahan Standard Kerja

10. (1) (*Dipotong oleh Akta A1309*).

(2) Standard Kerja hendaklah dibandingkan dan ditentusahkan mengikut lat tempoh yang ditetapkan oleh Menteri.

(3) Perbandingan dan penentusahan Standard Kerja hendaklah dilakukan oleh Penyimpan Timbang dan Sukat mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri dan apabila berpuas hati dengan ketepatan Standard Kerja itu, Penyimpan Timbang dan Sukat hendaklah mengeluarkan perakuan mengenai penentusahan itu dan perakuan itu

hendaklah disimpan oleh orang yang menjaga Standard Kerja yang berkaitan.

(4) Semua Standard Kerja yang telah sempurna ditentusahkan dan diperakui hendaklah, bagi segala maksud, dengan muktamadnya disifatkan sebagai benar dan tepat dan Standard Kerja itu hendaklah diberi pengiktirafan kehakiman.

(5) Menteri boleh pada bila-bila masa, atas nasihat Penyimpan Timbang dan Sukat, membatalkan mana-mana Standard Kerja dan hendaklah mengarahkan melalui pemberitahuan dalam *Warta* supaya Standard yang dibatalkan itu tidak digunakan lagi bagi maksud Akta ini.

BAHAGIAN III

TIMBANG DAN SUKAT BAGI MAKSUD PERDAGANGAN

Erti “kegunaan untuk perdagangan”

11. (1) Bagi maksud Akta ini, ungkapan “kegunaan untuk perdagangan” tertakluk kepada subseksyen (2), ertinya kegunaan dalam Malaysia berhubung dengan, atau dengan tujuan untuk, suatu transaksi bagi—

- (a) memindah milik atau memberi wang atau nilai wang sebagai balasan bagi wang atau nilai wang;
- (b) membuat sesuatu bayaran berkenaan dengan apa-apa tol atau duti; atau
- (c) membuat sesuatu bayaran berkenaan dengan apa-apa kerja yang dibuat atau perkhidmatan yang diberikan, atau bagi maksud menentukan upah yang kena dibayar, jika—
 - (i) transaksi itu adalah berpandukan kepada kuantiti atau adalah suatu transaksi yang bagi maksudnya

ada dibuat atau boleh disifatkan sebagai atau suatu kenyataan mengenai kuantiti; dan

- (ii) kegunaan itu adalah bagi maksud penentuan atau kenyataan kuantiti itu.

(2) Subseksyen di atas tidak terpakai jika penentuan atau kenyataan itu adalah suatu penentuan atau kenyataan mengenai kuantiti barang yang dikehendaki dihantar ke sesuatu tempat luar Malaysia dan transaksi itu bukan suatu penjualan secara runcit.

(3) Mana-mana alat timbang atau sukat yang diadakan di Malaysia untuk kegunaan awam sama ada dengan dikenakan bayaran atau selainnya hendaklah dianggap bagi maksud Bahagian ini sebagai alat timbang atau sukat bagi kegunaan untuk perdagangan, sama ada atau tidak alat itu dianggap sedemikian jika tidak kerana subseksyen ini.

Unit sukatan, timbang dan sukat yang sah di sisi undang-undang bagi kegunaan untuk perdagangan

12. (1) Tiada sesiapa pun boleh—

- (a) bagi kegunaan untuk perdagangan menggunakan apa-apa unit sukatan panjang, luas, isi padu, atau jisim atau unit timbang yang tidak termasuk dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007; atau
- (b) bagi kegunaan untuk perdagangan menggunakan atau ada dalam milikannya bagi kegunaan untuk perdagangan apa-apa sukat linear, persegi, padu atau isi padu yang tidak termasuk dalam Jadual Kedua atau apa-apa unit timbang yang tidak termasuk sedemikian itu.

(2) Kecuali sebagaimana yang ditetapkan dan tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 29—

- (a) sesuatu sukat linear yang ditetapkan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua boleh ditanda keseluruhannya atau sebahagiannya dengan bahagian dan bahagian kecil yang menandakan ukuran atau apa-apa ukuran yang lebih pendek;
- (b) tiada apa-apa pun sukat isi padu yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Kedua tersebut boleh digunakan untuk perdagangan dengan menggunakan apa-apa bahagian atau bahagian kecil yang bertanda atasnya sebagai suatu sukat isi padu bagi apa-apa kuantiti yang lebih kecil.

(2A) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua.

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini yang di atas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang digunakan atau yang berada dalam milikan mana-mana orang untuk digunakan dengan melanggar mana-mana daripada peruntukan itu boleh dilucut hak.

Menandakan timbang dan sukat dengan tanda

13. (1) Tiap-tiap timbang bagi kegunaan untuk perdagangan hendaklah mempunyai tanda timbang itu ditandakan oleh pembuatnya di sebelah atas atau tepi timbang itu dengan angka dan huruf yang terang kecuali jika timbang itu terlalu kecil dan tidak boleh ditanda sedemikian:

Dengan syarat bahawa jika timbang itu terlalu kecil menyebabkan ianya tidak boleh ditandakan, suatu perakuan hendaklah dikeluarkan oleh pembuatnya berkenaan dengan timbang itu dan perakuan itu hendaklah dikemukakan kepada Inspektor apabila dimintanya dan

hendaklah mengandungi butir-butir yang cukup untuk membolehkan pengenalan dan tanda timbang itu ditentukan.

(2) Tiap-tiap sukat isi padu bagi kegunaan untuk perdagangan hendaklah mempunyai tanda sukat isi padu itu ditandakan oleh pembuatnya dengan angka dan huruf yang terang pada sebelah luar sukat itu.

(3) Sesuatu timbang atau sukat yang tidak bertepatan dengan seksyen ini tidak boleh ditandakan dengan apa-apa cap penentusahan yang tersebut dalam seksyen 14.

Menandakan dengan cap dan menentusahkan timbang dan sukat dsb., dan mengeluarkan perakuan penentusahan

14. (1) Tertakluk kepada subseksyen (5), tiap-tiap timbang dan sukat dan alat timbang atau sukat bagi kegunaan untuk perdagangan hendaklah ditentusahkan dan ditandakan dengan cap oleh Inspektor dengan suatu cap penentusahan dan suatu perakuan penentusahan hendaklah dikeluarkan oleh Inspektor itu pada masa menandakan dengan cap tiap-tiap timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu timbang itu terlalu kecil menyebabkan ianya tidak boleh ditandakan dengan cap penentusahan oleh Inspektor, dia boleh, apabila berpuas hati dengan pengenalan dan tanda timbang bagi timbang itu, mengetepikan timbang itu daripada ditanda dengan cap itu dan mengeluarkan suatu perakuan penentusahan.

(1A) Mana-mana orang yang menghendaki apa-apa timbang, sukat atau alat timbang atau sukat supaya ditentusahkan dan ditandakan dengan cap atau disahkan hendaklah mengemukakan timbang, sukat atau alat timbang atau sukat itu kepada seorang Inspektor yang hendaklah menguji timbang, sukat atau alat timbang atau sukat tersebut dengan cara apa-apa Standard Kerja dan kelengkapan penguji sebagaimana yang difikirkannya sesuai atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, dengan menggunakan kelengkapan

lain yang telah pun diuji dan yang difikirkan sesuai bagi maksud itu oleh Inspektor itu.

(2) Tiap-tiap orang yang ada dalam milikannya bagi kegunaan untuk perdagangan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat hendaklah menyimpan dalam milikannya perakuan penentusahan yang dikeluarkan berkenaan dengannya dan hendaklah mengemukakan perakuan itu untuk diperiksa pada bila-bila masa ia dikehendaki berbuat demikian di bawah peruntukan Akta ini.

(3) Tiap-tiap timbang dan sukat dan alat timbang atau sukat yang telah ditanda dengan cap dan ditentusahkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disahkan dalam lat tempoh yang ditetapkan oleh Menteri.

(4) Apa-apa penentusahan dan penandaan dengan cap atau pengesahan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Menteri.

(4A) Maka hendaklah dikenakan apa-apa fi berkenaan dengan apa-apa penentusahan dan penandaan dengan cap atau pengesahan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat di bawah seksyen ini apa-apa bayaran sebagaimana yang ditetapkan.

(4B) Apa-apa pengujian, atau penentusahan dan penandaan dengan cap atau pengesahan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Inspektor:

Dengan syarat bahawa dalam menentukan masa dan tempat di bawah subseksyen ini Ketua Inspektor hendaklah memberi pertimbangan kepada keadaan yang berikut:

(a) jika apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu adalah sedemikian jenisnya bahawa ia tidak boleh dikemukakan dengan mudah atau senangnya kepada seorang Inspektor untuk diuji, atau ditentusahkan dan ditanda dengan cap, atau disahkan,

maka Inspektor itu hendaklah, atas permintaan bertulis orang yang memiliki timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, hadir di premis di mana timbang atau sukat atau alat itu ditempatkan untuk melakukan pengujian, penentusahan dan penandaan dengan cap, atau pengesahan itu; dan

- (b) Ketua Inspektor tidak boleh menetapkan sesuatu tempat bagi pengujian, penentusahan dan penandaan dengan cap, atau pengesahan yang akan mengakibatkan seseorang yang ingin mendapatkan kemudahan yang diperuntukkan itu terpaksa membuat perjalanan yang jaraknya tidak munasabah.

(5) Seseorang Inspektor tidak boleh menentusahkan, menandakan dengan cap, memperakui atau mengesahkan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat jika—

- (a) timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu tidak bertepatan dengan subseksyen 12(1) dan (2);
- (b) timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu menunjukkan bentuk yang luar biasa dan yang tidak tepat dengan bentuk atau spesifikasi sebagaimana yang ditetapkan secara amnya oleh Penyimpan Timbang dan Sukat melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* bagi timbang atau alat timbang atau sukat;
- (c) timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (d) timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu tidak mendapat kelulusan Penyimpan Timbang dan Sukat di bawah subseksyen (5A).

(5A) Penyimpan Timbang dan Sukat boleh meluluskan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat bagi kegunaan untuk

perdagangan jika bentuk atau spesifikasinya tidak ditetapkan oleh Penyimpan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu hendaklah ditentusahkan, ditandakan dengan cap, diperakui atau disahkan oleh seorang Inspektor mengikut cara yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) dan tatacara yang dinyatakan oleh Penyimpan.

(6) Mana-mana orang yang menggunakan atau yang ada dalam milikannya untuk digunakan bagi kegunaan perdagangan apa-apa timbang, sukat atau alat timbang atau sukat yang tidak ditentusahkan, ditandakan dengan cap, diperakui atau disahkan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan timbang, sukat atau alat timbang atau sukat itu boleh dilucut hak.

Penandaan dengan cap akan timbang dan sukat; bantuan kepada Inspektor, dsb.

14A. (1) Jika seseorang mengemukakan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat untuk ditentusahkan dan ditandakan dengan cap atau disahkan, Inspektor boleh menghendaki orang itu memberikannya apa-apa bantuan berkaitan dengan pengujian timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu sebagaimana yang semunasabahnya difikirkan perlu oleh Inspektor itu bagi orang itu memberikannya dan tidak berkewajipan untuk meneruskan pengujian itu sehingga orang itu memberikan bantuan tersebut.

(2) Jika apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang telah ditentusahkan dan ditandakan dengan cap atau disahkan di bawah seksyen 14 selepas ia dipasang di tempat di mana ia akan digunakan untuk perdagangan hendak dibuka dan dipasang semula, sama ada di tempat yang sama atau di tempat lain, ia tidak boleh digunakan untuk perdagangan selepas ia dibuka dan dipasang semula sehingga ia telah sekali lagi ditentusahkan dan ditandakan dengan cap atau disahkan.

(3) Jika seorang Inspektor berpendapat bahawa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang dikemukakan untuk ditentusahkan adalah dimaksudkan untuk digunakan bagi perdagangan bagi sesuatu maksud tertentu yang mana ia tidak sesuai, dia boleh menolak untuk menentusahkannya atau menandakannya dengan cap atau mengesahkannya sehingga soalan sama ada ia sesuai bagi maksud itu telah dirujukkan kepada Penyimpan yang keputusannya adalah muktamad.

(4) Seorang Inspektor boleh, atas permintaan mana-mana orang, memeriksa apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang tidak digunakan untuk perdagangan.

Penimbangan atau penyukatan dengan menggunakan alat timbang dan sukat awam

14B. (1) Tiada mana-mana orang boleh mengelolakan apa-apa penimbangan atau penyukatan dengan menggunakan alat timbang atau sukat awam melainkan dia memegang suatu perakuan daripada mana-mana Timbalan Ketua Inspektor yang memperakui bahawa dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi bagi pelaksanaan tugasnya dengan sempurna.

(2) Mana-mana orang yang tidak diberikan perakuan sedemikian oleh Timbalan Ketua Inspektor boleh merayu terhadap penolakan itu kepada Ketua Inspektor yang boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan Timbalan Ketua Inspektor supaya memberikan perakuan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar, atau yang menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan alat timbang atau sukat itu boleh dilucut hak.

(4) Jika seseorang yang diperakui untuk mengelolakan penimbangan atau penyukatan dengan menggunakan alat timbang atau sukat awam—

- (a) tanpa sebab yang munasabah gagal menjalankan penimbangan atau penyukatan apabila diminta;
- (b) tanpa penjelasan yang munasabah menjalankan penimbangan atau penyukatan itu secara tidak tepat;
- (c) gagal menyerahkan kepada orang yang meminta pertimbangan atau penyukatan dilakukan atau kepada ejennya, suatu pernyataan bertulis bagi berat atau sukatan lain; atau
- (d) gagal menyenggarakan rekod penimbangan atau penyukatan itu termasuk waktu dan tarikh penimbangan atau penyukatan dan, dalam hal penimbangan kenderaan, apa-apa butiran mengenai kenderaan itu dan butiran apa-apa muatan di atas kenderaan itu yang akan mengecamkan kenderaan dan muatan tersebut,

dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan alat timbang atau sukat itu boleh dilucut hak.

(5) Jika, berkaitan dengan apa-apa alat timbang atau sukat awam—

- (a) mana-mana orang yang diperakui untuk mengelolakan penimbangan atau penyukatan dengan menggunakan alat sedemikian, menyerahkan suatu pernyataan palsu akan apa-apa berat atau pernyataan palsu akan apa-apa berat atau sukatan lain yang didapati, atau membuat suatu rekod palsu akan apa-apa penimbangan atau penyukatan; atau

- (b) mana-mana orang melakukan apa-apa fraud berkaitan dengan apa-apa penimbangan atau penyukatan, atau apa-apa yang berupa penimbangan atau penyukatan, dengan menggunakan alat sedemikian,

dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan alat timbang atau sukat itu boleh dilucut hak.

(6) Jika, dalam hal penimbangan atau penyukatan apa-apa binatang, kenderaan, barang, benda, cecair atau bahan yang dijalankan dengan menggunakan apa-apa alat timbang atau sukat awam, orang yang membawa binatang, kenderaan, barang, benda, cecair atau bahan itu untuk ditimbang atau disukat, apabila dikehendaki oleh orang yang mengelolakan penimbangan atau penyukatan itu supaya memberikan nama, alamat dan nombor kad pengenalannya, gagal berbuat demikian atau memberikan nama, alamat atau nombor kad pengenalan yang tidak betul, dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(7) Orang yang menyediakan alat timbang atau sukat awam untuk digunakan (dalam seksyen ini disebut “orang bertanggungjawab”) hendaklah menyimpan bagi tempoh yang tidak kurang daripada enam bulan apa-apa rekod apa-apa penimbangan atau penyukatan dengan menggunakan alat itu yang dibuat oleh mana-mana orang yang diperakui untuk mengelolakan penimbangan atau penyukatan itu.

(8) Seseorang Inspektor boleh menghendaki orang bertanggungjawab itu supaya mengemukakan apa-apa rekod yang disebut dalam subseksyen (7) untuk diperiksa pada bila-bila masa sepanjang enam bulan yang disebut terdahulu.

(9) Jika orang bertanggungjawab itu gagal menyimpan apa-apa rekod seperti yang disebut dalam subseksyen (7) mengikut subseksyen tersebut atau gagal mengemukakannya mengikut subseksyen (8) dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila

disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(10) Jika mana-mana orang yang dengan sengaja memusnahkan atau mencacatkan apa-apa rekod seperti yang disebut dalam subseksyen (7) sebelum habis tempoh enam bulan dari tarikh ia dibuat, dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 14B

14c. Mana-mana orang yang diberikan perakuan di bawah subseksyen 14B(1) boleh dibatalkan perakuannya oleh Ketua Inspektor jika orang yang kepadanya dikeluarkan perakuan itu disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa tiada pembatalan sedemikian boleh dibuat tanpa terlebih dahulu memberikan orang terkilan itu peluang untuk didengar oleh Ketua Inspektor.

Timbang daripada timah hitam atau tembaga putih

15. (1) Sesuatu timbang yang diperbuat daripada timah hitam atau tembaga putih atau daripada apa-apa campuran timah hitam atau tembaga putih tidak boleh ditentusahkan dan ditandakan dengan cap penentusahan atau diperakui atau disahkan di bawah seksyen 14 dan timbang itu juga tidak boleh digunakan untuk perdagangan:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai jika timbang itu disalut sepenuhnya atau pada matannya dengan loyang, tembaga atau besi dan ditanda “bersalut” dengan terang.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh melarang dimasukkan ke dalam sesuatu timbang apa-apa jua palam hitam atau tembaga putih yang *bona fide* perlu bagi maksud melaraskan timbang itu dan mengecapkan cap penentusahan padanya.

Menggunakan dan memiliki timbang yang tidak seimbang, dsb.

16. Mana-mana orang yang menggunakan atau yang ada dalam milikannya untuk digunakan bagi kegunaan untuk perdagangan apa-apa timbang, sukat atau alat timbang atau sukat yang tidak menurut subseksyen 12(1) dan (2), atau yang palsu atau tidak seimbang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu boleh dilucut hak.

Mengguna atau memiliki timbang atau sukat palsu, dsb., untuk memfraud

17. Mana-mana orang yang dalam milikan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang diketahuinya sebagai palsu dan bercadang supaya alat itu digunakan secara fraud atau telah menggunakan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu secara fraud melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya. Apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang digunakan atau yang ada dalam milikan seseorang untuk digunakan bersalah dengan seksyen ini boleh dilucut hak.

Penalti ke atas membuat, menjual dan membaiki timbang palsu, dsb.

18. (1) Tiada seseorang boleh—

- (a) membuat atau menjual atau cuba menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang palsu atau tidak seimbang;
- (b) menjual atau cuba menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau

sukat yang tidak ditentusahkan dan ditandakan dengan cap atau diperakui, atau disahkan sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 14;

- (c) membuat atau memperbaiki untuk mendapatkan keuntungan atau menjual atau cuba menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat melainkan jika ia diberi lesen untuk berbuat demikian menurut seksyen 27; atau
- (d) membuat atau menjual atau cuba menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat bagi kegunaan untuk perdagangan jika timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu menunjukkan bentuk yang luar biasa dan yang tidak menepati bentuk atau spesifikasi sebagaimana yang ditetapkan secara amnya oleh Penyimpan Timbang dan Sukat melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* berkenaan dengan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat melainkan jika timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu telah diluluskan oleh Penyimpan di bawah subseksyen 14(5A) dan telah ditentusahkan, ditandakan dengan cap, diperakui atau disahkan mengikut tatacara yang diperuntukkan di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang membuat, menjual atau cuba menjual atau mendedahkan untuk jualan atau memperbaiki apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang diketahuinya sebagai palsu supaya alat itu boleh digunakan sebagai sebenar atau dengan mengetahui bahawa alat itu mungkin digunakan sebagai sebenar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda

tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika sesuatu kesalahan dilakukan di bawah subseksyen 18(2) atau (3), apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat berhubung dengan kesalahan itu boleh dilucut hak.

Penalty kerana menjalankan perdagangan tanpa alat timbang atau sukat yang perlu

19. Jika dalam apa-apa perdagangan di mana transaksi atau pengendalian berhubung dengannya adalah ditentukan dengan timbang atau sukat dan pedagang bagi perdagangan itu tidak memiliki sesuatu alat timbang atau sukat yang perlu bagi perdagangan itu, pedagang itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Pemalsuan atau pelancungan perakuan atau cap mengenai timbang, sukat atau alat timbang atau sukat

20. (1) Mana-mana orang yang memalsukan atau melancungkan apa-apa perakuan yang dikeluarkan atau cap yang digunakan bagi menandakan dengan cap di bawah Akta ini mengenai apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat atau bersengaja melebihkan atau mengurangkan sesuatu timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang telah ditandakan dengan cap sedemikian, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang ada dalam milikannya bagi kegunaan untuk perdagangan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang telah ditandakan dengan cap di bawah Akta ini tetapi kemudiannya didapati sebagai palsu hendaklah, sehingga akasnya dibuktikan, disifatkan sebagai telah bersengaja melebihkan atau mengurangkan atau dengan cara lain mengganggu timbang, sukat atau alat timbang atau sukat itu.

(3) Mana-mana orang yang ada dalam milikannya tanpa apa-apa sebab yang sah atau mana-mana orang yang menggunakan sebagai tulen apa-apa perakuan atau cap yang ia mengetahui atau ada sebab mempercayai sebagai lancungan atau palsu apa-apa perakuan yang dikeluarkan atau apa-apa yang digunakan bagi menandakan dengan cap di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan berkaitan dengan alat penanda dengan cap

20A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang, yang bukan seorang Inspektor—

- (a) menandakan dengan apa-apa cara akan apa-apa palam atau plat yang direka bentuk bagi kegunaan untuk penerimaan cap penentusahan;
- (b) kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh atau di bawah Akta ini, dengan apa jua cara mengubahkan atau mencacatkan apa-apa cap penentusahan;
- (c) memalsukan atau melancung apa-apa cap penentusahan;
- (d) memindahkan apa-apa cap penentusahan dan memasang atau melekatkannya kepada apa-apa timbang atau sukat atau apa-apa alat timbang atau sukat lain;
- (e) membuat apa-apa perubahan kepada apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat selepas ia ditandakan dengan cap sehingga menyebabkannya menjadi tidak betul atau tidak tepat; atau
- (f) memutuskan atau selainnya mengganggu apa-apa dawai, tali atau benda lain yang dengannya suatu cap

penentusan dilekatkan kepada timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Adalah tidak menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang dilesenkan oleh Ketua Inspektor sebagai pembuat atau pemberi perbaikan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang melakukan apa-apa perbuatan yang diperihalkan dalam perenggan (1)(a), (b) dan (f) semasa membuat apa-apa penyesuaian atau pemberi perbaikan pada timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat.

Keterangan mengenai milikan

21. Apabila apa-apa timbang, sukat atau alat timbang atau sukat didapati di premis mana-mana orang atau didapati dalam milikan mana-mana orang yang menjalankan perdagangan, maka orang itu, melainkan jika akasnya dibuktikan, hendaklah dianggap bagi maksud Akta ini sebagai mempunyai timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu dalam milikannya bagi kegunaan untuk perdagangan.

Kesalahan yang dilakukan oleh seorang pekhidmat

22. Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh seorang pekhidmat, majikan bagi pekhidmat yang melakukan kesalahan itu semasa bekerja dengannya hendaklah juga bersalah atas kesalahan itu melainkan majikan itu membuktikan hingga memuaskan hati mahkamah—

- (a) bahawa ia telah menggunakan usaha yang sepatutnya untuk mematuhi Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya; dan

- (b) bahawa kesalahan itu telah dilakukan dengan tiada pengetahuan, persetujuan atau dibiarkan olehnya.

23. (*Dipotong oleh Akta A754*).

24. (*Dipotong oleh Akta A522*).

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN

Penyimpan Timbang dan Sukat

25. (1) Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan hendaklah menjadi Penyimpan Timbang dan Sukat bagi maksud menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, menetapkan kewajipan dan kuasa Penyimpan.

Peyimpan hendaklah menasihati Menteri

25A. Penyimpan Timbang dan Sukat hendaklah menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berkaitan dengan penentukan, penetusahan dan pengujian timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan metrologi kecuali Sistem Unit Antarabangsa dan sistem sukat.

Ketua Inspektor, Timbalan Ketua Inspektor dan Inspektor

26. (1) Menteri boleh melantik seorang Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan beberapa orang Timbalan Ketua Inspektor Timbang

dan Sukat dan Inspektor Timbang dan Sukat sebagaimana yang perlu untuk menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(2) Ketua Inspektor hendaklah menjadi Inspektor Timbang dan Sukat utama dan hendaklah menjalankan pengawasan am dan mempunyai segala kuasa dan budi bicara seseorang Inspektor di bawah Akta ini.

(3) Kuasa dan budi bicara yang terletak hak pada Ketua Inspektor dan kewajipan yang dikehendaki dilakukan olehnya boleh dijalankan dan dilakukan oleh mana-mana Timbalan Ketua Inspektor.

(4) Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada Ketua Inspektor itu arahan am yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Ketua Inspektor hendaklah menguatkuasakan arahan itu.

Lesen untuk menjalankan kewajipan Inspektor atau untuk mengadakan perkhidmatan

26A. (1) Menteri boleh memberikan lesen kepada sesuatu syarikat yang dinamakan oleh Kerajaan Malaysia di bawah seksyen ini—

- (a) untuk melaksanakan mana-mana fungsi Inspektor; atau
- (b) untuk mengadakan perkhidmatan yang berhubung dengan pengujian, penentusahan, penandaan dengan cap, pengesahan atau perakuan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat bagi maksud Bahagian III.

(2) Tanpa menjaskan keluasan subseksyen (1), tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berikut:

- (a) fungsi yang hendaklah dilaksanakan atau perkhidmatan yang hendaklah diadakan oleh syarikat berlesen itu;

- (b) standard prestasi yang hendaklah dipatuhi oleh syarikat berlesen itu;
- (c) tempoh lesen itu;
- (d) balasan yang kena dibayar oleh syarikat itu bagi pemberian lesen itu; dan
- (e) apa-apa perkara atau syarat lain yang difikirkan patut oleh Menteri.

Fi yang dipungut oleh syarikat berlesen

26B. Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta ini atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], segala fi bagi pelaksanaan apa-apa fungsi atau mengadakan apa-apa perkhidmatan oleh syarikat berlesen hendaklah dipungut oleh, dan menjadi sebahagian daripada hasil, syarikat berlesen itu.

Pengemukaan memorandum bagi apa-apa perubahan pada fi yang sedia ada

26C. (1) Syarikat berlesen boleh mengemukakan suatu memorandum kepada Menteri yang mengandungi cadangan bagi apa-apa perubahan pada fi yang sedia ada yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 29 yang berkaitan dengan pelaksanaan apa-apa fungsinya atau pengadaan apa-apa perkhidmatan, bagi kelulusan Menteri.

(2) Menteri hendaklah menimbangkan memorandum itu dalam masa enam bulan dari penerimaan memorandum itu.

(3) Menteri boleh meluluskan atau menolak cadangan dalam memorandum itu.

(4) Menteri boleh meluluskan cadangan itu, tertakluk kepada apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut.

(5) Jika Menteri menolak cadangan itu, syarikat berlesen itu boleh, jika terdapat perubahan pada hal keadaan yang berhubung dengan cadangan itu, memohon kepada Menteri supaya keputusannya dikaji semula, tetapi permohonan itu hendaklah dibuat sebelum habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh syarikat itu diberitahu tentang penolakan Menteri itu.

(6) Menteri hendaklah menimbangkan permohonan yang disebut dalam subseksyen (5) dalam masa tiga bulan dari penerimaan permohonan itu.

Menteri hendaklah meminda peraturan-peraturan berkenaan dengan fi

26D. Jika Menteri meluluskan memorandum, dengan atau tanpa apa-apa ubah suaian, dia hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan meminda peraturan-peraturan berkenaan dengan fi yang sedia ada untuk membuat peruntukan tentang perubahan pada fi itu.

Kewajipan am syarikat berlesen

26E. (1) Syarikat berlesen hendaklah memastikan bahawa perkhidmatan yang diadakan olehnya menepati standard prestasi yang dinyatakan dalam lesen.

(2) Syarikat berlesen hendaklah memberikan perhatian yang sewajarnya kepada kecekapan, keekonomian dan keselamatan pengendalian berkenaan dengan perkhidmatan yang diadakan olehnya.

Kuasa pemeriksaan Ketua Inspektor

26F. Ketua Inspektor atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh, bagi maksud memastikan pematuhan oleh syarikat berlesen akan Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan syarat lesennya, memasuki mana-mana premis yang dihuni oleh syarikat berlesen itu—

- (a) untuk memeriksa keadaan premis itu;
- (b) untuk memeriksa dan menguji apa-apa standard atau kelengkapan yang digunakan oleh syarikat berlesen untuk melaksanakan kewajipan atau mengadakan perkhidmatannya di bawah Akta ini;
- (c) untuk mengawasi pelaksanaan kewajipan atau pengadaan perkhidmatan oleh syarikat berlesen itu;
- (d) untuk memeriksa apa-apa rekod dan dokumen yang berkaitan dengan kewajipan yang dilaksanakan atau perkhidmatan yang diadakan oleh syarikat berlesen itu; dan
- (e) untuk meminta dan memperoleh apa-apa maklumat yang berhubung dengan kewajipan yang dilaksanakan dan perkhidmatan yang diadakan oleh syarikat berlesen itu.

Penggantungan atau pembatalan lesen kerana melanggar syarat lesen

26G. (1) Jika Ketua Inspektor berpuas hati bahawa syarikat berlesen melanggar, atau telah melanggar dan mungkin akan melanggar lagi, mana-mana syarat lesennya, Ketua Inspektor boleh memberikan notis secara bertulis kepada syarikat berlesen itu menghendaknya mematuhi syarat itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.

(2) Jika apabila habis tempoh masa yang ditetapkan dalam notis itu, syarikat berlesen itu tidak mematuhi syarat yang disebut dalam notis itu, Ketua Inspektor hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Menteri tentang ketidakpatuhan syarikat berlesen itu dan laporan itu hendaklah dalam apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai oleh Ketua Inspektor.

(3) Jika, selepas menimbangkan laporan daripada Ketua Inspektor, Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran itu, atau pelanggaran yang dikhawatiri itu, bersifat serius atau menyentuh atau

mungkin menyentuh kepentingan atau keselamatan awam dan bahawa syarikat berlesen itu enggan untuk mengambil atau telah tidak mengambil segala langkah yang didapati perlu oleh Menteri bagi maksud memastikan pematuhan syarat yang berkenaan, Menteri boleh memberikan notis kepada syarikat berlesen itu yang menyatakan bahawa dia bercadang untuk menggantung atau membatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, leseninya dan notis itu hendaklah juga—

- (a) menyatakan syarat lesen yang dilanggar oleh syarikat berlesen itu dan perbuatan atau peninggalan yang menjadi pelanggaran itu; dan
 - (b) menentukan tempoh (yang tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu) yang dalamnya syarikat berlesen itu boleh membuat representasi berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (4) Selepas habis tempoh masa yang dinyatakan dalam notis itu dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh syarikat berlesen itu, Menteri hendaklah memutuskan sama ada untuk meneruskan tindakan yang dicadangkan itu atau untuk tidak mengambil tindakan lanjut.
- (5) Suatu notis hendaklah diberikan kepada syarikat berlesen itu oleh Menteri tentang keputusannya dan keputusan itu hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh notis itu disampaikan kepada syarikat itu.
- (6) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.

Penggantungan atau pembatalan lesen kerana pelanggaran Akta ini atau peraturan-peraturan

26H. (1) Jika Ketua Inspektor berpuas hati bahawa syarikat berlesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dia hendaklah

mengemukakan suatu laporan kepada Menteri tentang pelanggaran atau ketidakpatuhan itu oleh syarikat berlesen itu.

(2) Jika, selepas menimbangkan laporan daripada Ketua Inspektor, Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran itu bersifat serius atau menyentuh atau mungkin menyentuh kepentingan atau keselamatan awam, dia hendaklah memberikan notis kepada syarikat berlesen itu yang menyatakan bahawa dia bercadang untuk menggantung atau membatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, lesennya dan notis itu hendaklah juga—

- (a) menyatakan peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang dilanggar oleh syarikat berlesen itu dan perbuatan atau peninggalan yang menjadi pelanggaran itu; dan
- (b) menentukan tempoh (yang tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu) yang dalamnya syarikat berlesen itu boleh membuat representasi berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Selepas habis tempoh masa yang dinyatakan dalam notis itu dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh syarikat berlesen itu, Menteri hendaklah memutuskan sama ada untuk meneruskan tindakan yang dicadangkan itu atau untuk tidak mengambil tindakan lanjut.

(4) Suatu notis hendaklah diberikan kepada syarikat berlesen itu oleh Menteri tentang keputusannya dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh notis itu disampaikan kepada syarikat itu.

(5) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.

Lesen untuk membuat, menjual atau membaiki timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat

27. (1) Ketua Inspektor hendaklah menjadi pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen untuk membuat, menjual atau membaiki timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat.

(2) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam lesen itu.

(3) Ketua Inspektor boleh enggan mengeluarkan sesuatu lesen di bawah seksyen ini atau boleh memansuhkan mana-mana lesen yang telah dikeluarkan atau menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat dalam sesuatu lesen.

(4) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh Ketua Inspektor di bawah seksyen ini boleh dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan mengenai keputusan itu, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.

(5) Menteri boleh menetapkan bentuk lesen yang akan dikeluarkan di bawah seksyen ini dan buku atau rekod yang akan disimpan berhubung dengan lesen itu.

Pemulaan pendakwaan

27A. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Kuasa untuk memeriksa timbang dan sukat, dsb., dan untuk memasuki premis

28. (1) Mana-mana Inspektor boleh, pada bila-bila waktu yang munasabah, menjalankan kuasa yang berikut, iaitu:

- (a) memasuki mana-mana premis bagi maksud memeriksa, menentusahkan dan menandakan dengan cap atau mengesahkan apa-apa timbang atau sukat atau apa-apa alat timbang atau sukat, atau bagi maksud menentukan sama ada apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau

mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan;

- (b) menyita dan menahan apa-apa timbang, sukat atau alat timbang atau sukat, atau cap atau perkakas pengecapan, yang digunakan dalam perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) menyita dan menahan apa-apa barang, rekod atau dokumen yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai dikehendaki untuk dikemukakan sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (d) mengelak dengan apa jua cara apa-apa timbang, sukat atau alat timbang atau sukat yang digunakan, atau yang dengan munasabahnya disyaki digunakan, dalam perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (e) memeriksa apa-apa perakuan, dokumen atau kertas, termasuk buku, laporan, rekod, bil perkapalan dan bil muatan atau apa-apa data yang dimasukkan atau direkodkan melalui apa-apa sistem pemprosesan data mekanik atau elektronik atau melalui apa-apa alat penyimpan maklumat lain jika ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa ia mengandungi apa-apa maklumat yang relevan pada penguatkuasaan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan membuat salinannya atau cabutan daripadanya;
- (f) dengan bantuan daripada mana-mana pegawai polis, menghentikan dan menahan mana-mana kenderaan motor atau pengangkutan lain yang Inspektor itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dipasang dengan apa-apa timbang atau sukat, atau alat timbang atau sukat, atau membawa timbang, sukat atau

alat timbang atau sukat atau barang-barang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai dikehendaki untuk dikemukakan sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau dilengkapkan dengan alat yang digunakan atau ditujukan untuk digunakan bagi maksud perdagangan dan—

- (i) jika perlu, bagi maksud membuat pemeriksaan di bawah subperenggan (ii), menghendaki supaya pembawa kenderaan motor atau kenderaan lain itu untuk meneruskan perjalanan dengan kenderaan motor atau kenderaan lain itu ke tempat yang sesuai di mana pemeriksaan itu boleh dijalankan; dan
 - (ii) memeriksa apa-apa timbang, sukat atau alat timbang atau sukat atau apa-apa barang atau alat yang didapati di dalam atau di atas kenderaan motor atau kenderaan lain itu;
- (g) memeriksa segala perakuan penentuan, rekod dan dokumen yang berhubung dengan apa-apa timbang, sukat atau alat timbang atau sukat, atau perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 14B.
- (2) Mana-mana orang yang cuai atau enggan mengemukakan bagi diperiksa di bawah seksyen ini mana-mana timbang, sukat atau alat timbang atau sukat atau mana-mana perakuan penentusan yang ada dalam milikannya atau yang ada dalam premisnya atau enggan membenarkan Inspektor itu di bawah seksyen ini memeriksa alat itu atau mana-mana daripadanya atau menghalang Inspektor itu daripada memasuki premis itu atau dengan secara lain menghalang atau mengganggu Inspektor itu daripada bertindak di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), mana-mana orang yang gagal untuk menzahirkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang berkaitan, atau memberikan, sebagai benar, apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang dia tahu atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

Pelucuthakan alat timbang atau sukat, dsb.

28A. (1) Apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang telah disita menurut Akta ini boleh dilucut hak.

(2) Mahkamah yang membicarakan mana-mana orang yang dituduh atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh apabila selesainya perbicaraan itu, sama ada dia disabitkan atau tidak, memerintahkan supaya timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang telah disita daripada orang itu dilucut hak.

(3) Jika tiada pendakwaan mengenai apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang telah disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberi di bawah Akta ini, maka timbang atau sukat itu hendaklah dikira dan disifatkan telah dilucut hak apabila tamatnya satu bulan kalender dari tarikh ianya disita, melainkan suatu tuntutan telah dibuat sebelum tarikh tersebut mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia adalah tuan punya mana-mana timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang telah disita di bawah Akta ini dan bahawa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu tidak boleh dilucut hak boleh dengan sendirinya atau melalui ejennya yang dibenarkan secara bertulis olehnya, memberi notis kepada Timbalan Ketua Inspektor mengenai tuntutannya.

(5) Apabila menerima notis di bawah subseksyen (4), Timbalan Ketua Inspektor hendaklah merujukkan notis itu kepada Ketua Inspektor yang boleh, setelah apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, mengarahkan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu dilepaskan atau dilucut hak atau merujukkan perkara itu kepada mahkamah untuk diputuskan.

(6) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujukkan hendaklah mengeluarkan saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia adalah tuan punya timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat tersebut dan kepada orang yang daripadanya timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu telah disita untuk menghadirkan diri di hadapan mahkamah dan apabila dia memasukkan kehadirannya atau ingkar memasukkan kehadirannya, apabila terbukti bahawa saman telah dihantar dengan sewajarnya, mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila terbukti sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu adalah perkara atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, hendaklah mengarahkan supaya timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat itu dilucut hak atau boleh, jika ketiadaan bukti tersebut, mengarahkan supaya timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat dilepaskan kepada orang yang berhak kepadanya.

(7) Apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang dilucut hak atau disifatkan telah dilucut hak di bawah Akta ini hendaklah dilupuskan mengikut arahan Ketua Inspektor.

Perlindungan bagi Inspektor, dsb., kerana menguatkuasakan Akta

28B. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau diselenggara dimana-mana mahkamah terhadap Ketua Inspektor, Timbalan Ketua Inspektor, mana-mana Inspektor atau pegawai polis bagi atau disebabkan oleh atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang diperintahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan tiada guaman atau pendakwaan boleh diambil dalam mana-mana

mahkamah terhadap mana-mana orang lain bagi atau disebabkan oleh atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Ketua Inspektor, Timbalan Inspektor, mana-mana Inspektor atau pegawai polis yang diberikan bagi mana-mana maksud yang disebut terdahulu:

Dengan syarat bahawa perintah, arahan atau suruhan itu diberikan atau tindakan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan yang munasabah bahawa ia adalah perlu bagi tujuan yang dimaksudkan untuk dicapai olehnya.

BAHAGIAN V

AM

Peraturan-peraturan

29. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan dengan tidak menyentuh keluasan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh mengadakan kesemua atau mana-mana daripada peruntukan yang berikut:

- (a) menetapkan pemerolehan, penyediaan, penyenggaraan, perakuan, penentusan perbandingan dan pengesahan Standard Kerja;
- (b) menetapkan tempat, cara menyimpan dan menjaga Standard Kerja;
- (c) menetapkan had selisih yang boleh dibenarkan mengenai mana-mana timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat;

- (d) menetapkan cara bagaimana Standard Kerja boleh ditanda dan diperakui untuk pengenalan;
- (e) menetapkan—
 - (i) kewajipan Ketua Inspektor, Timbalan Ketua Inspektor dan Inspektor; dan
 - (ii) ujian yang dikenakan bagi maksud menentukan ketetapan dan kecekapan timbang dan sukat dan alat timbang atau sukat dan had selisih yang akan dibenarkan apabila ditentusahkan atau diperiksa; dan
 - (iii) jenis cap yang akan digunakan oleh Inspektor untuk menandakan dengan cap timbang dan sukat dan alat timbang atau sukat bagi kegunaan untuk perdagangan dan cara menandakan dengan cap itu;
- (f) menetapkan bayaran yang akan dikenakan berhubung dengan—
 - (i) lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 27;
 - (ii) ujian dan penentusan timbang dan sukat dan alat timbang atau sukat;
 - (iii) pengeluaran mana-mana perakuan di bawah Akta ini; dan
 - (iv) apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh seseorang Inspektor;
- (g) menetapkan borang, buku, daftar atau kad yang akan digunakan di bawah Akta ini;

- (ga) mengehadkan maksud dan transaksi yang baginya timbang, sukat atau alat timbang atau sukat tertentu boleh digunakan secara sah;
- (gb) menetapkan kelas ketetapan bagi timbang, sukat atau alat timbang atau sukat tertentu yang akan digunakan untuk perdagangan;
- (gc) melarang penggunaan timbang, sukat atau alat timbang atau sukat daripada jenis tertentu sama ada secara mutlak atau kecuali dengan mematuhi syarat yang dinyatakan dalam mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (gd) menetapkan kelas timbang yang akan digunakan pada alat timbang daripada jenis tertentu;
- (ge) memperuntukkan bagi pendaftaran, pemeriksaan berkala alat timbang dan sukat awam dan pada amnya memperuntukkan tentang penyeliaan dan pengawalan alat itu;
- (gf) menetapkan tatacara bagi permohonan, ujian dan peperiksaan yang hendak diambil bagi pengeluaran, perakuan untuk mengelolakan apa-apa alat timbang atau sukat awam;
- (gg) menetapkan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya yang boleh dikompaun, tatacara yang akan diikuti dan borang yang akan digunakan bagi pengkompaunan itu;
- (gh) menetapkan cara bagaimana bungkusan hendak ditanda dengan apa-apa butiran, pernyataan atau kehendak lain yang berkaitan dengan apa-apa timbang atau sukat;
- (gi) menetapkan tanda timbang yang mengikutnya barang-barang tertentu boleh dibungkus atau dijual

- (gj) menetapkan suatu penalty denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit bagi pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (h) menetapkan apa-apa perkara lain yang dikehendaki ditetapkan oleh Akta ini atau dengan amnya untuk melaksanakan dengan lebih baik maksud atau peruntukan Akta ini.

Ralat maksimum yang dibenarkan

30. (1) Mana-mana timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat tidak boleh mempunyai selisih yang lebih dari ralat maksimum yang dibenarkan yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang dalam lingkungan ralat maksimum yang dibenarkan yang ditetapkan itu hendaklah disifatkan sebagai patut dan benar bagi segala maksud Akta ini.

Kuasa pengecualian dan membuat peraturan-peraturan bagi mengelakkan kesukaran

31. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, Menteri, jika difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi kepentingan negara dan awam, boleh dengan perintah, sama ada dengan mutlaknya atau tertakluk kepada apa-apa yang ditetapkan dalam perintah itu, mengecualikan apa-apa kelas perusahaan atau transaksi atau apa-apa kelas harta alih atau harta tak alih dari mana-mana atau kesemua peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh membuat peruntukan melalui peraturan-peraturan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud mengelakkan apa-apa kesukaran yang disebabkan oleh mula berkuat kuasanya Akta ini atau mana-mana peruntukannya dan

mana-mana peraturan itu boleh dibuat supaya berkuat kuasa mulai daripada mula berkuat kuasanya Akta ini atau mana-mana peruntukannya.

Peruntukan peralihan

32. (1) Jika mana-mana atau kesemua daripada peruntukan Akta ini telah mula berkuat kuasa berkenaan dengan mana-mana Negeri dalam Malaysia atau mana-mana kelas perusahaan atau transaksi atau mana-mana kelas harta alih atau harta tak alih, Menteri boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* membenarkan diteruskan penggunaan apa-apa unit sukatan atau apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu berkenaan dengan Negeri dalam Malaysia, kelas perusahaan atau transaksi atau kelas harta alih atau harta tak alih mengikut mana-mana yang berkenaan selain daripada penggunaan unit Sistem Unit Antarabangsa dan timbang dan sukat yang dinyatakan dalam Jadual Kedua selama tempoh tidak melebihi daripada lima tahun dari tarikh disiarkan pemberitahuan itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri:

Dengan syarat bahawa Menteri tidak boleh menetapkan sesuatu tempoh dalam mana-mana pemberitahuan yang dibuat menurut subseksyen ini sehingga tarikh tamatnya tempoh itu adalah tidak selaras dengan syarat kepada subseksyen 1(4).

(2) Jika sesuatu pemberitahuan dibuat oleh Menteri membenarkan diteruskan penggunaan apa-apa unit sukatan atau apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat menurut subseksyen (1), penggunaan unit sukatan atau timbang atau sukatan atau alat timbang atau sukat mengikut cara dan selama tempoh yang ditetapkan dalam pemberitahuan itu, hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang dan sah di sisi undang-undang dan tiada apa-apa dalam Bahagian III Akta ini boleh menyebabkan seseorang dikenakan sesuatu penalti kerana menggunakaninya.

33. (*Dipotong oleh Akta A1309*).

34. (*Dipotong oleh Akta A1309*).

Pengkompaunan kesalahan

34A. (1) Ketua Inspektor boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, menawarkan untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini atau di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan menerima daripada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu amaun wang yang tidak melebihi denda maksimum, yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia disabitkan atas kesalahan itu, dalam masa sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Inspektor, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Apabila amaun di bawah subseksyen (1) diterima, tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

Pemansuhan dan pengecualian

35. (1) Undang-Undang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat dan semua perundangan kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dimansuhkan dan pemansuhan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh atau tarikh-tarikh dan setakat mana yang ditetapkan oleh Menteri dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Walau apa pun perintah yang dibuat menurut subseksyen (1) untuk memansuhkan mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat atau mana-mana perundangan kecil yang

dibuat di bawahnya mana-mana pihak berkuasa atau orang yang menjalankan, sebelum sahaja mula berkuat kuasanya Akta ini atau mana-mana daripada peruntukannya, tugas yang bersamaan dengan yang diberi kepada Penyimpan, Ketua Inspektor, Timbalan Ketua Inspektor, atau Inspektor oleh Akta ini, hendaklah berkenaan kawasan yang pihak berkuasa atau orang itu diberi kuasa untuk menjalankan tugas itu terus berbuat demikian sehingga Menteri mengarahkan selainnya melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

JADUAL PERTAMA

(*Dipotong oleh Akta A1309*)

JADUAL KEDUA**TIMBANG DAN SUKAT BAGI KEGUNAAN UNTUK PERDAGANGAN****BAHAGIAN 1***Sukatan Linear*

Sukat—

- 20 meter
- 10 meter
- 3 meter
- 2 meter
- 1 meter
- 1 desimeter
- 1 sentimeter

BAHAGIAN 2*Sukatan Persegi*

Mana-mana sukat, atau bagi mana-mana gandaan, 1 desimeter persegi.

BAHAGIAN 3*Sukat Padu*

Mana-mana sukat, atau bagi mana-mana gandaan, $\frac{1}{4}$ meter padu.

BAHAGIAN 4

Sukat Isi padu

Sukat—

Mana-mana gandaan 10 liter

- 10 liter
- 5 liter
- 2.5 liter
- 2 liter
- 1 liter
- 500 milliliter
- 250 milliliter
- 200 milliliter
- 100 milliliter
- 50 milliliter
- 30 milliliter
- 25 milliliter
- 20 milliliter
- 10 milliliter
- 5 milliliter
- 2 milliliter
- 1 milliliter

BAHAGIAN 5

Timbang

(a) bagi urusan benda atau barang selain daripada permata berharga dan mutiara.

Timbang—

- 20 kilogram
- 10 kilogram
- 5 kilogram

- 2 kilogram
- 1 kilogram
- 500 gram
- 200 gram
- 100 gram
- 50 gram
- 20 gram
- 10 gram
- 5 gram
- 2 gram
- 1 gram
- 500 milligram
- 200 milligram
- 100 milligram
- 50 milligram
- 20 milligram
- 10 milligram
- 5 milligram
- 2 milligram
- 1 milligram

(b) Bagi urusan berkenaan permata berharga dan mutiara.

Timbang—

- 500 karat (metrik)
- 200 karat (metrik)
- 100 karat (metrik)
- 50 karat (metrik)
- 20 karat (metrik)
- 10 karat (metrik)

- 5 karat (metrik)
 - 2 karat (metrik)
 - 1 karat (metrik)
 - 0.5 karat (metrik)
 - 0.25 karat (metrik)
 - 0.2 karat (metrik)
 - 0.1 karat (metrik)
 - 0.05 karat (metrik)
 - 0.02 karat (metrik)
 - 0.01 karat (metrik)
- Catatan—1 karat (metrik) = 0.2 (tepat
-

JADUAL KETIGA

(Dipotong oleh Akta A1309)

JADUAL KEEMPAT

(Dipotong oleh P. U. (A) 293/1981)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 71

AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A522	Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1981	24-07-1981
P.U. (A) 293/1981	Perintah Timbang dan Sukat (Pemansuhan Undang-Undang) 1981	01-10-1981
P.U. (A) 392/1985	Pemberitahuan Timbang dan Sukat (Pindaan Jadual Pertama dan Ketiga)	30-08-1985
Akta A754	Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1990	23-02-1996
Akta A825	Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1992	17-07-1992
Akta A1180	Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002	04-04-2005
Akta A1309	Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007	01-02-2008
P.U. (B) 168/2009	Akta Timbang dan Sukat 1972— Pembetulan	
Akta A1530	Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017	Perenggan 2(a) & 11(b) dan Seksyen 12 & 13 – 19-5-2017; Perenggan 2(b), Seksyen 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 dan perenggan 11(a) – 01-08-2017

—————

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 71

AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk panjang	Akta A754 Akta A1309	23-02-1990 01-02-2008
2	Akta A522 Akta A754 Akta A825 Akta A1180 Akta A1309	24-07-1981 23-02-1990 17-07-1992 04-04-2005 01-02-2008
Bahagian II (Tajuk)	Akta A1309	01-02-2008
3	Akta A754 Akta A1309	23-02-1990 01-02-2008
4	Akta A1309	01-02-2008
5	Akta A1309	01-02-2008
6	Akta A522 Akta A1309	24-07-1981 01-02-2008
7	Akta A522 Akta A1309	24-07-1981 01-02-2008
8	Akta A522 Akta A1309	24-07-1981 01-02-2008
8A	Akta A1309	01-02-2008
9	Akta A1309	01-02-2008
10	Akta A522	24-07-1981

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A825 Akta A1309 P.U. (B) 168/2009	17-07-1992 01-02-2008 Pembetulan bagi Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71] yang dicetak semula pada tahun 2009 dan mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2009
11	Akta A754	23-02-1990
12	Akta A522 Akta A825 Akta A1309 Akta A1530	24-07-1981 17-07-1992 01-02-2008 19-05-2017; 01-08-2017
14	Akta A754 Akta A825 Akta A1530	23-02-1990 17-07-1992 01-08-2017
14A	Akta A754	23-02-1990
14B	Akta A754 Akta A1530	23-02-1990 01-08-2017
14C	Akta A754	23-02-1990
16	Akta A825 Akta A1530	17-07-1992 01-08-2017
17	Akta A825 Akta A1530	17-07-1992 01-08-2017
18	Akta A522 Akta A825 Akta A1530	24-07-1981 17-07-1992 01-08-2017
19	Akta A754 Akta A1530	23-02-1990 01-08-2017
20	Akta A825	17-07-1992

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1530	01-08-2017
20A	Akta A754 Akta A825 Akta A1530	23-02-1990 17-07-1992 01-08-2017
23	Akta A754	23-02-1990
24	Akta A522	24-07-1981
25	Akta A1309	01-02-2008
25A	Akta A825 Akta A1309	17-07-1992 01-02-2008
26	Akta A522	24-07-1981
26A	Akta A1180	04-04-2005
26B	Akta A1180	04-04-2005
26C	Akta A1180	04-04-2005
26D	Akta A1180	04-04-2005
26E	Akta A1180	04-04-2005
26F	Akta A1180	04-04-2005
26G	Akta A1180	04-04-2005
26H	Akta A1180	04-04-2005
27	Akta A522 Akta A1180	24-07-1981 04-04-2005
27A	Akta A754 Akta A1309	23-02-1990 01-02-2008
28	Akta A754 Akta A825 Akta A1530	23-02-1990 17-07-1992 19-05-2017 01-08-2017

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
28A	Akta A754	23-02-1990
28B	Akta A754	23-02-1990
29	Akta A522 Akta A754 Akta A825 Akta A1309 Akta A1530	24-07-1981 23-02-1990 17-07-1992 01-02-2008 19-05-2017
30	Akta A1530	19-05-2017
33	Akta A754 Akta A1309	23-02-1990 01-02-2008
34	Akta A1309	01-02-2008
34A	Akta A754 Akta A1309	23-02-1990 01-02-2008
Jadual Pertama	Akta A522 P.U. (A) 392/1985 Akta A754 Akta A1309	24-07-1981 30-08-1985 23-02-1990 01-02-2008
Jadual Kedua	Akta A522 Akta A754	24-07-1981 23-02-1990
Jadual Ketiga	Akta A1309	01-02-2008
Jadual Keempat	P.U. (A) 293/1981	01-10-1981
